

## **BAB TIGA**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3. 0 Pendahuluan**

Kajian ini dijalankan untuk melihat penggunaan komputer dalam proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah Tingkatan Satu di beberapa buah sekolah menengah Lembah Kelang. Bab ini akan menjelaskan metodologi kajian iaitu alat kajian, sampel kajian, rekabentuk kajian dan cara penganalisaan data untuk membuat keputusan secara keseluruhannya.

#### **3. 1 Rekabentuk Kajian**

Kajian ini dijalankan secara ‘survey’ ( tinjauan ) ke atas pelajar-pelajar Tingkatan Satu dan juga guru Sejarah di sekolah yang sama di bawah Kementerian Pendidikan. Khasnya di tiga buah sekolah yang dipilih. Rekabentuk ‘survey’ digunakan kerana difikirkan paling sesuai untuk mendapatkan data dalam populasi yang besar. Pengumpulan maklumat daripada sampel kajian pula diperoleh daripada soal selidik yang diedarkan kepada pelajar serta guru yang berkenaan. Tumpuan utama kajian ini ialah untuk melihat penggunaan komputer dalam proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah Tingkatan Satu.

#### **3. 2 Alat Kajian**

Alat kajian dalam kajian ini adalah dua set soal selidik yang telah direka oleh

pengkaji. Set soal selidik untuk pelajar terdiri daripada 17 item dan 25 variabel manakala soal selidik untuk guru pula mempunyai 18 item dan 19 variabel. Item - item soal selidik untuk pelajar menyentuh aspek-aspek seperti sekolah, sikap dan pendapat mengenai komputer serta pencapaian pelajar. Bagi guru pula menyentuh aspek-aspek seperti sekolah, pengetahuan komputer serta masalah pengajaran Sejarah dan cadangan untuk mengatasinya.

Soalan-soalan soal selidik terdiri daripada dua bahagian iaitu soalan terbuka dan soalan tertutup. Soalan – soalan terbuka memerlukan jawapan terbuka dari responden yang meliputi soalan-soalan seperti nama sekolah, tahap dan kemahiran penggunaan komputer, pandangan dan sikap serta pencapaian pelajar. Soalan-soalan bahagian tertutup pula adalah seperti pengetahuan tentang komputer, penglibatan dalam aktiviti luar serta mengenai mata pelajaran Sejarah.

Soalan - soalan soal selidik untuk guru juga terdiri daripada dua bahagian iaitu soalan - soalan yang memerlukan jawapan terbuka dari responden meliputi aspek-aspek seperti nama sekolah, tahap dan penggunaan komputer, kekerapan penggunaan komputer serta masalah dan cadangan. Soalan-soalan tertutup pula meliputi pengetahuan dan penggunaan komputer.

### **3.3 Sampel Kajian**

Kajian ini dijalankan di tiga buah sekolah menengah Lembah Kelang. Sekolah-sekolah tersebut ialah :

- a) Sekolah Menengah Kebangsaan Vivekananda.
- b) Sekolah Menengah Kebangsaan San Peng.
- c) Sekolah Menengah Kebangsaan Victoria.

Sampel kajian ini terdiri daripada 60 orang pelajar Tingkatan Satu dari kelas terbaik setiap sekolah dan 5 orang guru Sejarah juga dari sekolah yang sama. Kajian atau soal selidik telah dijalankan pada 6 hb. Mac. di Sekolah Menengah Kebangsaan Vivekananda, 7 hb. Mac. di Sekolah Menengah Kebangsaan San Peng dan 8 hb. Mac. di Sekolah Menengah Kebangsaan Victoria. Sebelum menjalankan soal selidik kebenaran telah diperoleh daripada Penolong Kanan setiap sekolah berkenaan. Soal selidik guru Sejarah juga telah dijalankan pada tarikh yang sama.

### **3. 4 Cara Penganalisaan Data**

Data-data yang diperoleh daripada soal selidik dianalisa menggunakan “The Statistical Package For Social Science ( SPSS ) Version 9.0. Taburan kekerapan dan peratusan digunakan untuk membuat huraian tentang beberapa variabel.